

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 APRIL 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Negara ASEAN bakal tubuh CERT hadapi ancaman siber	Berita Harian
2	CERT tangani ancaman siber serantau	Utusan Malaysia
3	Usahawan hijau – Bengkel YIM ideation cangkil kreativiti pelajar	Berita Harian
4	Naik taraf radar dan satelit negara	Utusan Malaysia
5	Catuan dilanjutkan lagi?	Sinar Harian
6	Empangan terima kurang hujan	Sinar Harian
7	Emergency law an option if water still critical	The Malay Mail
8	Undang-undang darurat boleh dikuatkuasakan jika bekalan air masih di tahap bahaya	Bername.com
9	More cloud seeding ops this week	News Straits Times

Negara ASEAN bakal tubuh CERT hadapi ancaman siber

Kuala Lumpur: Negara rantau ASEAN bakal bekerjasama menubuhkan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) bagi menghadapi ancaman siber yang semakin serius.

Pengerusi CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity), Tan Sri Mohd Azumi Mohamed Said, berkata perbincangan mengenai penubuhan CERT peringkat ASEAN diadakan pada forum serantau yang lalu dan ia kini di peringkat pelaksanaan.

"CERT bertujuan mempertingkatkan kerjasama antara negara dari segi pertukaran maklumat, tindak balas dan peningkatan keupayaan yang diadakan melalui latihan serta bengkel dalam menghadapi ancaman siber.



“CERT bertujuan mempertingkatkan kerjasama antara negara dari segi pertukaran maklumat, tindak balas dan peningkatan keupayaan yang diadakan melalui latihan dalam menghadapi ancaman siber”

Mohd Azumi Mohamed Said,
Pengerusi CyberSecurity Malaysia

“Jika dilihat Kesatuan Eropah (EU) yang membabitkan 28 negara sudah memiliki pasukan CERT sendiri, manakala Afrika dan Asia Pasifik juga sudah ada,” katanya di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Keselamatan Siber sempena Pameran dan Persidangan Pertahanan Asia (DSA) 2014.

Ancaman siber kini serius

Azumi berkata, dalam menuju penubuhan Komuniti ASEAN dan sebagai tindak balas menghadapi cabaran siber, penubuhan CERT penting sebagai persediaan masa hadapan.

“Jepun yang berhadapan serangan siber ke atas 19 laman web pada 2012 menca-

dangkan agar diadakan satu kerjasama dengan ASEAN membabitkan perkongsian maklumat, teknologi dan tindak balas bersama.

“Amerika Syarikat juga berpandangan ancaman siber kini lebih serius dari cabaran ekonomi dan keselamatan. Britain sendiri berpandangan ancaman siber adalah satu bentuk serangan pengganas,” katanya.

Azumi berkata, Malaysia mengambil berat aspek ancaman siber dan mewujudkan Dasar Siber Kebangsaan bagi menjamin ruang siber negara sentiasa selamat.

Katanya, Malaysia sudah memiliki MyCERT tersendiri selain menganggotai Jawatankuasa Pemandu Asia Pasifik CERT selain menjadi penasihat CERT kepada negara Islam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 17 APRIL 2014 (KHAMIS)

**CERT tangani
ancaman siber
serantau**

KUALA LUMPUR 16 April - ASEAN bakal menubuhkan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT) bagi menghadapi ancaman siber yang semakin meningkat dalam kalangan negara-negara anggotanya.

Pengerusi

CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity), Tan

Sri Mohd. Azumi

Mohamed Said berkata, perbincangan mengenai penubuhan CERT peringkat ASEAN itu telah dilakukan pada forum serantau dan kini di peringkat pelaksanaan.

“CERT bertujuan mempertingkatkan lagi kerjasama antara satu sama lain dari segi maklumat, tindak balas dan peningkatan keupayaan yang diadakan melalui latihan dan bengkel dalam menghadapi ancaman siber.

“Kalau kita lihat Kesatuan Eropah (EU) yang melibatkan 28 buah negara telah mempunyai CERT tersendiri, Afrika dan Asia Pasifik juga ada CERT,” katanya di sini hari ini.

Mohd. Azumi ditemui selepas menyampaikan ucapan Persidangan Keselamatan Siber sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 17 APRIL 2014 (KHAMIS)



Usahawan 'hijau'

» Bengkel YIM Ideation cunghkil kreativiti pelajar

Pelajar menunjukkan sijil Bengkel YIM Ideation yang diterima.

Oleh Azzman Jamal
upen@bh.com.my

► Shah Alam

Empat pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 27 dan SMK TTDI Shah Alam, di sini, bakal dilatih untuk menjadi usahawan 'hijau' menerusi program Bengkel YIM Ideation.

Program anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan kerjasama UMW Corporation Sdn Bhd itu menyediakan peluang kepada pelajar terbabit menggunakan idea dan kreativiti masing-masing bagi menghasilkan produk mesra alam.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Mustapha, berkata program memabitkan tiga fasa itu bermula awal tahun ini hingga tahun 2015 bertujuan memupuk semangat inovasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan pada masa sama menjadi usahawan berjaya pada masa akan datang.

"Seramai 20 pelajar dipilih menyertai program Bengkel YIM Ideation bagi menghasilkan 10 inovasi mesra alam yang dinilai oleh juri YIM.

Cetusan idea

"Program fasa pertama bermula dengan peringkat cetusan idea dan setiap kumpulan dianggotai dua pelajar perlu menghasilkan satu inovasi. Dua inovasi terpilih kemudian akan dibawa ke fasa kedua, iaitu perkembangan prototaip dan seterusnya ke fasa terak-

hir, perancangan perniagaan.

"Fasa perkembangan prototaip akan diadakan pada akhir tahun ini bagi membolehkan pelajar berbincang bersama pakar daripada beberapa industri untuk menambah baik idea asal mereka," katanya pada majlis penyampaian sijil kepada peserta Bengkel YIM Ideation, di SMK Seksyen 27, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Pengurus Kanan Bahagian Risiko Kumpulan UMW Corporation Sdn Bhd, Norchahya Ahmad.

Muhammad Aziph berkata, kira-kira 80 pakar dari institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan industri turut memberi kerjasama

sepanjang penganjuran Bengkel YIM Ideation.

"YIM prihatin terhadap masa depan generasi muda, justeru kami berusaha memupuk semangat keusahawan dalam diri mereka dengan mencipta inovasi atau produk yang memberi manfaat kepada masyarakat suatu masa kelak.

Manfaat kepada masyarakat

"Kami meramalkan produk mesra alam bakal menjadi satu inovasi yang mempunyai permintaan tinggi. Inilah masa dan peluang pelajar sekolah untuk memanfaatkan idea dan kreativiti masing-masing bagi mencipta

sesuatu yang memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat," katanya.

Muhammad Aziph berkata, pemilihan kedua-dua sekolah berkenaan dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan beliau kagum dengan kemahiran yang ditunjukkan oleh peserta Bengkel YIM Ideation itu.

"Mereka hanya berusia 14 tahun, tetapi boleh mengeluarkan idea kreatif.

"Saya percaya dengan bimbingan yang betul, pelajar sekolah itu mampu mencipta sesuatu yang menakjubkan dan tidak mustahil pelajar ini menjadi aset kepada negara," katanya.

“ Kami meramalkan produk mesra alam bakal menjadi satu inovasi yang mempunyai permintaan tinggi. Inilah masa dan peluang pelajar untuk memanfaatkan idea mahupun kreativiti masing-masing”

Inilah masa dan peluang pelajar untuk memanfaatkan idea mahupun kreativiti masing-masing”

Muhammad Aziph Mustapha, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YIM



Muhammad Aziph dan Norchahya (depan kanan) bersama peserta Bengkel YIM Ideation selepas majlis penyampaian sijil Bengkel YIM Ideation di SMK Seksyen 27, Shah Alam.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 17 APRIL 2014 (KHAMIS)

Naik taraf radar dan satelit negara

MEMANG benar seperti yang diperkatakan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein bahawa banyak pengajaran dan iktibar yang boleh dipelajari daripada peristiwa kehilangan pesawat Penerbangan Malaysia MH370.

Pandangan Hishammuddin ini dinilai mempunyai pengertian yang amat bermakna kerana beliau ialah orang hadapan yang mewakili Malaysia dalam menghadapi peristiwa tersebut.

Paling menarik perhatian adalah apabila beliau menegaskan Malaysia perlu menaik taraf sistem teknologi radar dan satelit yang dimiliki ketika ini bagi menangani ancaman-ancaman baharu terhadap keselamatan negara. Tetapi Hishammuddin juga menambah bukan sahaja Malaysia perlu melakukan perkara tersebut tetapi juga seluruh dunia.

Beliau menyatakan perkara tersebut ketika sidang akhbar selepas melawat pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) beberapa hari lalu.

Berbagai-bagai interpretasi yang boleh diandaikan ekoran daripada saranan Hishammuddin tersebut kerana pertama ia dibuat di DSA yang berlatar belakang senario keselamatan dan pertahanan.

Jika senario ini diguna pakai maka saranan beliau selaku Menteri Pertahanan dianggap lazim kerana teknologi radar dan satelit merupakan aset pertahanan yang asas bagi sesebuah negara.

Tetapi jika andaian dilakukan berasaskan senario misi mencari dan menyelamat (SAR) MH370, maka penilaian terhadap saranan Hishammuddin akan menjadi lebih menarik. Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa data dari radar pertahanan di perairan barat Malaysia telah digunakan sepenuhnya bagi menjejaki MH370.

Kesimpulan paling drastik yang boleh dibuat adalah segala kemampuan radar negara telah terdedah kerana lazimnya kemampuan radar sesebuah negara adalah maklumat rahsia.

Apabila Malaysia membangunkan sistem pengawasan radar, lazimnya sistem ini diperolehi dari luar negara dan perkakasan yang digunakan adalah terdedah kepada pihak yang berminat.

Tetapi apa yang paling menarik minat pihak luar adalah apakah kemampuan dan parameter perisian yang digunakan seperti jarak pemantauan dan juga kebolehan membezakan jenis jet pejuang yang berbeza. Pembangunan perisian radar lazimnya dibangunkan secara dalaman dan sebab itu kemampuannya dapat dirahsiakan dengan begitu rapi sekali.

Mungkin sebab pendedahan data dari radar Malaysia yang membangkitkan isu naik taraf sistem radar negara kerana jika pihak

Gerbang Global
Azmi Hassan



Kesimpulan paling drastik yang boleh dibuat adalah segala kemampuan radar negara telah terdedah kerana lazimnya kemampuan radar sesebuah negara adalah maklumat rahsia

lain sudah mengetahui kemampuan sebenar radar yang digunakan untuk mengawasi ruang udara negara, maka parameter baru perlu digunakan untuk menggantikan yang lama.

Antara sistem pengawasan radar yang tercanggih di dunia adalah Jaringan Operasi Radar Lindalee (JORN) yang terletak di Alice Spring, Australia yang di miliki secara bersama oleh Amerika Syarikat (AS) dan Australia. JORN dibangunkan khas untuk mengesan pergerakan udara dan maritim menjangkau sehingga jauh di Lautan Hindi. Tetapi hakikatnya adalah kemampuan sebenar JORN adalah maklumat yang paling dirahsiakan.

Begitu juga dengan saranan Hishammud-

din untuk menaik taraf kemampuan satelit negara adalah jelas pengajaran daripada misi SAR MH370. Imej dari satelit AS, China, Perancis malah dari Thailand telah digunakan demi untuk mencari MH370.

Tidak mustahil apabila ada rakyat Malaysia yang menyuarakan kehairanan kerana tidak kedengaran pula satelit milik Malaysia iaitu RazakSat telah digunakan dalam misi tersebut.

Perlu ditekankan kemampuan satelit RazakSat adalah begitu terhad terutama sekali mengenai ciri optiknya. Memang benar imej satelit RazakSat mempunyai resolusi yang agak baik dalam lingkungan 2.5 meter tetapi kekangan yang paling ketara adalah pencerapan imej di kawasan yang

diliputi awan lazimnya akan gagal.

Begitu juga RazakSat yang dibangunkan mempunyai fungsi untuk mencerap kawasan khatulistiwa sahaja yang membuatkan satelit tersebut tidak dapat digunakan dalam kawasan pencarian Lautan Hindi yang terletak di hemisfera selatan. Ini adalah kerana RazakSat mempunyai orbit hampir khatulistiwa dan ianya merupakan satelit pertama dunia yang mempunyai pusingan putaran sedemikian rupa.

Sebagaimana kuasa besar seperti Washington dan Beijing telah menggunakan pembangunan satelit sebagai kekuatan strategi dasar luar dan geopolitik masing-masing, Kuala Lumpur juga tidak terkecuali dari persepsi sedemikian rupa. Memang

benar pembangunan sesebuah satelit memerlukan perbelanjaan yang begitu besar kerana RazakSat sahaja secara keseluruhannya menelan belanja melebihi RM150 juta.

Rakyat Malaysia seharusnya tidak merasa terkilan dengan kekangan kemampuan satelit RazakSat tetapi perlu mengambil iktibar dalam melakukan pembaikan terhadap aset satelit yang sedia ada.

Jangka hayat satelit RazakSat akan tamat dalam masa beberapa tahun sahaja lagi dan dihabiskan kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pembangunan dan pelancaran satelit yang baharu.

Perlu dimaklumkan bahawa satelit RazakSat dibangunkan 100 peratus menggunakan kepakaran saintis dan jurutera tempatan melalui syarikat Astronautic Technology Sdn. Bhd. (ATSB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan. Kumpulan jurutera dan saintis tempatan ini sepatutnya diberi sokongan oleh rakyat Malaysia sebagai dorongan untuk mereka bentuk satelit yang mempunyai keupayaan melebihi RazakSat.

Malaysia tidak boleh ketinggalan terlalu jauh berbanding dengan negara lain dan sebab itu permodenan sistem pertahanan negara tidak hanya terhad kepada sistem radar atau satelit tetapi perlu dilakukan secara berterusan terhadap semua aset dan mesti selari dengan kemampuan kewangan negara. Rakyat Malaysia perlu memahami hakikat ini.


Saranan Hishammuddin adalah manifestasi sebenar kekuatan politik Malaysia supaya negara tidak ketinggalan jauh dalam teknologi termaju sektor pertahanan.

Ini adalah kerana teknologi ini bukan hanya merangkumi ruang lingkup radar atau satelit tetapi yang lebih penting adalah ia memberi kesan terhadap kepentingan geostrategik negara.

PENULIS ialah Geostregris Institut Geospasial dan Sekolah Perdana UTM



TIMBALAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Panglima Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin melihat radar pertahanan berteknologi tinggi, Long Range 3D Defense Radar pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia 2014 (DSA 2014) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH



◀ Jika Empangan Sungai Selangor masih tidak mencapai tahap 55 peratus, kemungkinan catuan air yang bakal dihentikan 30 April ini akan diteruskan.

Keputusan kini bergantung kepada paras takungan Empangan Sungai Selangor yang masih kritikal iaitu di tahap 37 peratus

19

CATUAN DILANJUT LAGI?

**KRISIS AIR
DI SELANGOR**

“Dijangkakan taburan hujan 200 ke 300 milimeter (mm) boleh dicapai bulan hadapan. Namun, sama ada mencukupi untuk empangan, itu sukar untuk dipastikan. Ini kerana kita difahamkan peningkatan satu peratus paras empangan memerlukan 20 mm air. Jadi, kita memerlukan lebih 300 mm air untuk mencapai paras diperlukan empangan iaitu 55 peratus.”

- Pengarah Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah

Empangan terima kurang hujan

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi menjelaskan kuantiti hujan yang turun di Empangan Sungai Selangor agak kurang meskipun kawasan tersebut kerap berlaku hujan.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah berkata, perkara itu disebabkan kawasan berkenaan yang dikelilingi bukit.

"Hujan dijangka berlaku dengan kerap dengan taburan yang tinggi. Kelompok awan juga tertumpu di kawasan Empangan Sungai Selangor, namun kuantiti hujan yang turun agak kurang berbanding di kawasan lain.

"Ini disebabkan kawasan sebelah utara Selangor di kelilingi Banjaran Titiwangsa, jadi hujan banyak tertumpu di lereng bukit dan banjaran gunung. Akibatnya, hujan bergerak ke kawasan pantai dan bandar," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, taburan hujan dijangka agak tinggi awal bulan hadapan, seterusnya dapat meningkatkan paras Empangan Sungai Selangor yang kini berada di tahap kritikal.

"Kita menjangkakan taburan

hujan antara 200 ke 300 milimeter (mm) boleh dicapai bulan hadapan. Namun, sama ada mencukupi untuk empangan, itu sukar untuk dipastikan.

"Ini kerana kita difahamkan peningkatan satu peratus paras empangan memerlukan 20 mm air. Jadi, kita memerlukan lebih 300 mm air untuk mencapai paras diperlukan empangan iaitu 55 peratus," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Jabatan Meteorologi juga melakukan pembenihan hujan di sekitar semua kawasan empangan atas permintaan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) untuk meningkatkan jumlah hujan.

Baru-baru ini, Pengarah Luas, Md Khairi Selamat menyatakan, 200 mm hujan diperlukan untuk meningkatkan paras air di Empangan Sungai Selangor kepada 55 peratus daripada paras semasa 37.38 untuk menamatkan catuan air.

Sekiranya paras itu tidak dicapai menjelang 30 April, Md Khairi berkata, catuan air akan diteruskan sehingga paras yang diperlukan diperolehi.

Emergency law an option if water level still critical

KUALA LUMPUR — Malaysia can enforce emergency laws if treated water supply remains dangerously low during the dry spell in mid-May, said Association of Water and Energy Research Malaysia president S. Piarapakaran.

He said Malaysia was likely to be affected by the dry spell for the second time even though the reservoir level had not reached the minimum 30 per cent yet.

The capacity for the Sungai Selangor reservoir is at 37 per cent at present.

Based on the Selangor government's criteria, if a dam reaches 55 per cent of its capacity, the rationing for that particular region will be stopped.

"The total treated water capacity that can be distributed is about 2,500 million per day and this has caused more than 50 per cent of the water supply in the Klang valley to depend on the Sungai Selangor reservoir," Piarapakaran said yesterday.

He said that if the matter was not urgently rectified, the government would likely announce an emergency and enforce Section 56 of the Water Services Industry Act (WSIA) 2006.

He said the Act was a specific law enforced during an emergency related to water supply consumption that was provided for by the Energy, Green Technology and Water Ministry.

Among the contents of the Act were banning water consumption generally or for certain use, limiting water consumption and production during certain times, and imposing additional charges on usage that exceeded the limits set.

The Malaysian Meteorological Department confirmed Malaysia was expected to face a dry spell following transition to the southwesterly monsoon from mid-May to September.

On the high amount of ammonia content in the raw water that led to the



The Sungai Selangor reservoir is currently at 37 per cent capacity. If the level falls below 30 per cent, emergency water laws can be enforced. — Picture by Zuraneeza Zulkifli

closure of the Cheras Batu 11 water treatment plant on Monday, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) corporate communications and public affairs assistant general manager Priscilla Alfred again stressed the temporary

closure would not affect areas which received water from the plant, reported Danial Dzulkilfy.


"The most effective measure to counter balance ammonia levels in the water is continuous daily rain in the catchment

areas to raise water levels to dilute the material faster," she said.

Syabas confirmed that current ammonia levels was recorded at 4.50 parts per million, far exceeding the 1.5ppm standard set by the Health Ministry.



Undang-undang Darurat Boleh Dikuatkuasakan Jika Bekalan Air Masih Di Tahap Bahaya



Paras air di empangan sungai Selangor yang merosot ketika negara dilanda cuaca panas bulan lepas

Oleh Syed Ilylia Hariz Syed Izman

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Malaysia boleh menguatkuasakan undang-undang darurat jika bekalan air terawat masih di tahap bahaya menjelang musim kering pada pertengahan Mei.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia S. Piarapakaran berkata Malaysia berkemungkinan akan dilanda musim panas untuk kali kedua namun paras empangan sehingga kini masih tidak mencapai tahap minimum 55 peratus.

Katanya, tahap kapasiti simpanan air mentah di negeri Selangor perlu melebihi kadar 55 peratus bagi mengelakkan Lembah Klang sekali lagi menghadapi krisis bekalan air.

"Lembaga Urus Air Selangor telah menetapkan tahap minimum 55 peratus kapasiti simpanan air mentah perlu dicapai.(Bagaimanapun) kapasiti bagi empangan Sungai Selangor masih dalam lingkungan 37 peratus sahaja (setakat ini).

"Jumlah kapasiti air terawat yang boleh diagihkan daripada loji perawatan air kira-kira 2,500 juta liter sehari (JLH), dan ini menyebabkan lebih daripada 50 peratus bekalan air di Lembah Klang bergantung kepada empangan Sungai Selangor," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Piarapakaran berkata jika perkara ini tidak ditangani dengan segera, kerajaan berkemungkinan harus mengumumkan darurat dan menguatkuasakan Seksyen 56 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006.

Beliau berkata WSIA adalah kuasa khas semasa kecemasan berkaitan penggunaan sumber air yang diberikan kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Antara yang terkandung di dalam WSIA adalah menghalang penggunaan air secara umum atau untuk kegunaan tertentu, mengehadkan penggunaan dan pengeluaran air pada waktu tertentu, dan mengenakan caj tambahan ke atas penggunaan yang melebihi had yang telah ditetapkan, katanya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi mengesahkan negara dijangka mengalami musim kering berikutan peralihan ke Monsun Barat Daya pada pertengahan Mei sehingga September.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Muhammad Helmi Abdullah berkata semasa Monsun Barat Daya taburan hujan dijangka berkurangan antara 100 hingga 200 milimeter sebulan.

"Taburan hujan (100 hingga 200 milimeter sebulan) adalah normal ketika peralihan Monsun Barat Daya," katanya.

Muhammad Helmi berkata pada April hingga awal Mei, negara berada pada musim peralihan monsun dari Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya dan taburan hujan mampu mencapai 250 hingga 350 milimeter sebulan.

Beliau berkata Jabatan Meteorologi akan memfokuskan proses pembenihan awan di sekitar Selangor dalam musim peralihan ini bagi meningkatkan paras air di empangan.

-- BERNAMA

More cloud seeding ops this week

CYBERJAYA: Cloud seeding operations will be intensified in Selangor, mainly over Sungai Selangor, for the rest of the week, said the National Water Services Commission (SPAN).

Its chairman, Datuk Ismail Kassim, said continuous high-intensity rain would help resolve the water crisis.

He said the water rationing exercise would continue until the end of this month before the commission decides whether to stop it.

"We will monitor the weather condition, the amount of rainfall and improvement of water level in dams, which has so far shown no improvement," he said at SPAN headquarters here yesterday.

Ismail said if the situation improved by the end of this month, they might reduce rationing.

He said the Sungai Selangor dam's water problem began even before the start of the year, with its water level recorded at slightly above 205m before it drastically dipped to below 190m at the end of March.

For the same period last year, the water level remained at about 220m and only gradually dipped from mid-June.

Span chief executive officer Datuk Teo Yen Hua said they would resort to pumping water from Sungai Semantan through the Pahang-Selangor Raw Water Transfer Project (Tunnel) into the Langat treatment plant to ensure that the plant continued to operate.